

UM/AASB/UM/09.04.1999/P:6(1-2)

1 rego

WACANA
Islam

Oleh DR MUSTAFA DAUD

um 9/4/99 6:1
182

KEPENTINGAN pemerintahan atau negara dalam kehidupan manusia untuk mencapai kebahagiaan begitu ketara dan mendadak sekali.

Kebahagiaan itu hanya dapat dicapai setelah wujudnya keamanan. Keamanan tidak mungkin dapat diwujudkan tanpa wujudnya satu institusi yang dapat menegakkan kekuasaan, mencegah berlakunya jenayah, perampasan, pembunuhan dan sebagainya.

Kekuasaan itu hanya diwujudkan melalui pembentukan institusi pemerintahan atau negara. Pemerintahlah yang bertanggungjawab menjamin kebebasan beragama, bersuara, bergerak, berpersuaan, keselamatan nyawa, harta dan sebagainya.

Penguatkuasaan undang-undang, mahkamah dan polisi memerlukan institusi yang dapat menyelaraskan fungsi dan tanggungjawab mereka bagi menjamin keamanan. Tanggungjawab itu hanya dapat dilaksanakan dengan wujudnya institusi pemerintah.

Keselamatan rakyat dan negara daripada ancaman luar negeri juga memerlukan institusi pemerintahan yang membentuk angkatan bersenjata yang kukuh dan mantap untuk memelihara penyebaran dakwah Islamiah, melaksanakan syariah dan menjamin keselamatan umat Islam dan negara pada keseluruhannya daripada pencerobohan luar.

Membangunkan

Dengan keamanan yang terjamin dan keselamatan yang terpelihara, maka segala kegiatan yang dapat meningkatkan perkembangan ilmu pengetahuan, sains, teknologi, ekonomi, perusahaan, infrastruktur, seni bina dan sebagainya dapat diusahakan dari semasa ke semasa.

Kerjasama dan tolong menolong antara rakyat dapat digembleng dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk melakukan amar makruf dan nahi mungkar.

Pembentukan institusi pemerintahan, sememangnya begitu penting sekali sehingga umat Islam bertanggungjawab dan berkewajipan secara kolektif untuk menegak dan mempertahankannya. Ia mestilah ditegakkan bersumberkan al-Quran dan as-Sunah dan berasaskan akidah, syarak dan akhlak.

Lebih lama lagi ke arah menjamin keamanan, kesejahteraan, keadilan dan kebahagiaan sejagat, pelaksanaan syariah Islamiah memerlukan institusi pemerintahan Islam. Sampai bila-bila masa sekali pun syariah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya tanpa pemerintahan Islam.

Sebab itulah sebaik sahaja Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah, pemerintahan merupakan perkara utama yang disegerakan dengan termentainya perjanjian atau Perlembagaan Madinah.

Pembentukan institusi pemerintahan yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunah dan berasaskan akidah, syarak dan akhlak itu seperti yang diper-

kesetiaan ummah

lihatkan oleh Rasulullah s.a.w. merupakan yang terunggul dan teragung di dunia.

Di mana dalam masa sepuluh tahun sahaja seluruh Semenanjung Tanah Arab tunduk di bawah kekuasaan tamadun Islam dan umat Islam hanya mengambil masa selama 80 tahun untuk menguasai dunia.

Wilayah pemerintahan Islam adalah yang terluas di dunia sejak zaman Iskandar Zulkarnain hingga hari ini dan ia berjaya mengekalkan kekuasaannya dalam jangka masa yang terpanjang iaitu kira-kira antara 10 hingga 13 abad.

Ini adalah bukti nyata yang menunjukkan pemerintahan Islam paling agung dan unggul dan keadilan paling maksimum dapat ditegakkan dengan pelaksanaan syariah.

Al-Quran dan as-Sunah telah menetapkan tugas dan tanggungjawab pemerintah Islam dan demikian juga halnya dengan rakyat pada keseluruhannya yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang seimbang.

Islam juga telah meletakkan ciri-ciri atau kelayakan yang mesti ada pada diri seseorang calon khalifah, menteri, pegawai tinggi kerajaan dan sebagainya yang menitik beratkan keimanan, ketakwaan, amal salih dan ilmu pengetahuan.

Jawatan merupakan amanah daripada Allah s.w.t. dan sesiapa yang terlantik memegang mana-mana jawatan pemerintahan dan pentadbiran akan disoal-jawab di padang Mahsyar oleh Allah s.w.t.

Pemerintahan pula wajib dilaksanakan secara syura bukan diktator atau sosialisme, komunisme dan sebagainya. Pelaksanaan ciri-ciri dan tugas serta tanggungjawab pemerintahan daripada jawatan khalifah sampailah kepada rakyat yang bersumberkan al-Quran dan as - Sunnah dan berasaskan akidah, syarak dan akhlak inilah yang bertanggungjawab yang menjadikan pemerintahan dan negara Islam sebagai yang teragung di dunia yang dikagumi oleh Barat.

Ia hanya dapat dilaksanakan dan diperkukuhkan serta diabadikan melalui pendidikan. Di sinilah letaknya kepentingan pendidikan dalam mendidik setiap umat Islam, untuk menjalankan fungsi masing-masing daripada khalifah sampailah kepada rakyat.

Justeru, fungsi pendidikan dalam pembinaan, pembentukan dan pengekalan pemerintahan dan negara tidak boleh diperkecilkan.

Pendidikanlah yang bertanggungjawab secara langsung dan khusus untuk mendidik pemerintah yang baik yang diredai oleh Allah s.w.t. dan mendidik umat Islam menjadi pengikut atau rakyat yang setia untuk mendapat keredaan Allah s.w.t dan membina serta meningkatkan tamadun Islam di dalam segala lapangan.

PROFESOR MADYA DR MUSTAFA DAUD
ialah Pengarah Pusat Islam, Universiti Utara
Malaysia, Sintok, Kedah.